

# UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1994/95

April, 1995

**AAP403 - PERNIAGAAN KERAJAAN & MASYARAKAT**

Masa: [2 jam]

---

## ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan. Soalan 1 adalah WAJIB dan pilih TIGA soalan yang lain.

### Soalan 1 (WAJIB)

Lim Jam Bu, seorang gadis yang bekerja di sebuah Syarikat Komputer terbesar di bandar Kuala Lumpur. Beliau ditempatkan di bahagian Penyelidikan dan Pembangunan syarikat tersebut. Bahagian ini merupakan bahagian penuh dengan maklumat sulit dan rahsia. Setiap pekerja di bahagian ini harus menyimpan rahsia syarikat dari pesaing. Kebocoran maklumat bahagian ini boleh memberi kemenangan kepada pesaing untuk menguasai pasaran komputer negara ini. Lim telah menjalankan tugasnya dengan baik dan menyakinkan. Malangnya, beberapa hari yang lalu kawan lelaki lamanya, Pen Ya Mun telah mendaftarkan diri untuk bekerja di bahagiannya. Lim sangat sayangkan rakannya ini. Tetapi, Lim telah mendapat tahu Pen Ya Mun pernah ditangkap dan dipenjarakan kerana menghisap dadah dan menjual maklumat syarikat. Lim juga mendapat tahu bosnya tidak mengetahui latarbelakang Pen Ya Mun tersebut. Kini, Lim mempunyai satu tanggungjawab, patutkah ia memberitahu latarbelakang rakannya kepada bosnya atau patutkah ia melindungi rakan yang dikasihinya itu. Lim tidak tahu sama ada Pen Ya Mun telah bertaubat atau belum. Kalau maklumat ini sampai kepengetahuan bosnya mungkin Pen Ya Mun dibuang kerja dan mungkin dia akan terjerumus dilembah dadah lagi. Kini Lim menghadapi dilema tanggungjawab kepada majikan, syarikat dan rakan.

Berdasarkan kes di atas, bagaimanakah anda menilai dan menyelesaikan keputusan Lim. Sila bantu Lim berdasarkan pengurusan etika dan rujuk jawapan anda kepada teori utiliti, hak dan keadilan.

[25 markah]

...2/-

- 2 -

Soalan 2

Kebanyakan ahli perniagaan tidak suka wujudnya campurtangan kerajaan dalam aktiviti mereka. Walau bagaimanapun, pada hari ini, campurtangan kerajaan dalam perniagaan tidak dapat dielakkan. Mengapa?

[25 markah]

Soalan 3

Teori Pergantungan Kuasa (power dependency) menjelaskan bahawa perniagaan, kerajaan dan masyarakat saling bergantung antara satu sama lain. Bersetujukah anda dengan pendapat ini untuk menjelaskan perhubungan ketiga-tiga elemen tadi? Jika ya, mengapa? Jika tidak, jelaskan teori-teori lain yang lebih sesuai.

[25 markah]

Soalan 4

Perlukah diwujudkan satu undang-undang untuk menjadikan firma "bertanggungjawab sosial". Atau, firma itu akan mempunyai tanggungjawab sosial atas kesedaran dan inisiatif sendiri. Bincangkan.

[25 markah]

Soalan 5

Model Kohlberg cuba menjelaskan tahap pembangunan moral dalam diri seseorang individu. Jelaskan apakah tahap-tahap model tersebut.

[25 markah]

Soalan 6

Matlamat dan nilai pengurus, ciri-ciri peribadi dan budaya syarikat mempunyai peranan di dalam membina etika pengurusan yang baik. Bincangkan bagaimana ketiga-tiga komponen ini dapat memperbaiki etika pengurusan.

[25 markah]

Soalan 7

Dalam kuliah, anda telah diperkenalkan dengan beberapa kaedah untuk memastikan etika terlaksana dalam organisasi. Bincangkan kaedah-kaedah tersebut.

[25 markah]

- oooOooo -